

# Masjid IPTA

Tuntut ilmu berpaksikan acuan wahyu



Institusi

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

**I**NSTITUSI pengajian tinggi telah memainkan peranan besar dalam mencorakkan minda pemikiran dan pendidikan rakyat dengan menerapkan kepada mereka nilai-nilai moral tinggi untuk menjamin keutuhan akhlak generasi masa hadapan.

Oleh itu kerajaan telah banyak mengeluarkan dana untuk tujuan itu dengan harapan mahasiswa dapat membalasnya dengan menyalurkan dan menyumbang idea kepada pembangunan negara pada masa hadapan.

Sebaliknya objektif pembangunan negara sukar dicapai sekiranya usaha tersebut tidak diserapkan nilai-nilai kerohanian yang antara lain bertujuan memandu pemikiran manusia berpaksikan wahyu Ilahi.

Pada sebelum dan selepas

negara mengecap kemerdekaan, para pemerintah tidak pernah mengabaikan usaha itu sehingga pada saat ini apabila kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, menitikberatkan pembangunan insaniah agar tatasusila rakyat berteraskan prinsip Rukun Negara pertama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan.

Salah satu usaha itu yang saling berkaitan prinsip Rukun Negara keenam, Kesopanan dan Kesusilaan, boleh dilihat dengan setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini telah dibina sebuah masjid di tengah-tengah kerancangan pembangunan akademik.

Sehubungan itu, usaha tersebut juga menggambarkan di sebalik kegigihan para pendidik dan mahasiswa meniti arus akademik, asas ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT tidak wajar dilupakan.

Secara tidak langsung, ia menyamai usaha Universiti al-Azhar, Mesir yang pada mulanya menjadi rumah ibadat berkenaafi, sebagai pusat pengajian utama institusi tersebut.


## Masjid Sultan Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

MASJID Sultan Ahmad Shah UIAM terletak di tengah kampus utama pusat pengajian itu yang terletak di Gombak, Selangor.

Rumah ibadah itu mula dibina pada Februari 1995 dan siap pada 12 Oktober 1995. Masjid berkenaan yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM19.4 juta ini memaparkan falsafah seni bina Islam yang menampakkan unsur Arab.

Masjid Sultan Ahmad Shah berkeupayaan menampung seramai 9,000 jemaah dinamakan bersempena nama Sultan Pahang bagi menghargai dan mengenang jasa baginda selaku Ketua Perlembagaan UIAM.

Mempunyai sebuah dewan solat yang boleh memuatkan 9000 jemaah pada satu masa, selain ruang solat wanita yang terletak di aras dua dan tiga.



## Masjid Tuanku Mizan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)

MASJID Tuanku Mizan UiTM sebelum ini dikenali sebagai Pusat Islam Universiti Teknologi Mara (UiTM) dibina pada 1992 berharga RM5.7 juta dengan keluasan lantai 10,096 meter persegi dan boleh memuat seramai 7,000 jemaah pada satu-satu masa.

Ia diabadikan bersempena nama baginda selaku Yang di-Pertuan Agong ketika itu selain merangkap Canselor UiTM.





## Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

MASJID UKM telah dibina di atas tapak seluas dua hektar yang terletak di hadapan pintu masuk utama institusi pengajian itu. Pembinaannya dimulakan pada 16 Mac 1979 dengan kos berjumlah RM 5.1 juta.

Ia telah diserahkan secara rasmi kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia pada hari Rabu 14 April 1982.

Bangunan masjid ini mengandungi tiga paras di mana pada awal penubuhan, paras dua digunakan ketika solat fardu untuk jemaah lelaki manakala paras tiga untuk jemaah wanita.

Paras satu pula digunakan untuk solat Jumaat. Bangunan Masjid ini berkeluasan 25 713.41 meter persegi dan boleh menampung jemaah seramai 5000 orang dalam satu masa.

Persekitaran masjid mempunyai enam buah pondok wakaf, sebuah dapur termasuk bilik mandi dan tandas, dua buah tempat wuduk serta terdapat lebih kurang 300 lot tempat letak kereta.

## Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM)

MASJID UPM merupakan pusat perkhidmatan kerohanian dan aktiviti keagamaan kepada mahasiswa, kakitangan serta masyarakat sekitar supaya melahirkan persefahaman, di samping mewujudkan perasaan muhibah di antara manusia.

Dilengkapi dengan kemudahan teknologi bagi menjalankan program-program pengisian kerohanian dengan lebih efektif dan berkesan seperti, penggunaan peralatan papan layar LCD untuk memaparkan visual daripada paparan Power Point dan terjemahan teks khutbah daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris supaya penyampaian ilmu dapat disampaikan dengan tepat dan efektif.

Masjid UPM ini juga turut menyediakan pelbagai khidmat profesional dan perundingan serta menggalakkan seluruh warga kampus dan penduduk sekitar menggunakan pusat ini bagi aktiviti dan program keagamaan secara berjemaah.



Di samping itu ia memberi peluang termasuk kepada yang bukan Islam untuk mengenali Islam dengan lebih dekat lagi.



## Masjid Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM)

MASJID Pusat Islam USM awalnya dikenali sebagai Balai Islam. Rancangan untuk membina Pusat Islam di sini mula dibincangkan pada akhir 1972 menerusi memorandum Naib Canselor waktu itu, Tan Sri Hamzah Sendut.

Naib Canselor kedua USM, Tan Sri Hamdan Shaik Tahir telah memberikan tumpuan yang serius terhadap projek ini dan beliau telah berusaha mendapatkan bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Arab Saudi.

Hasilnya pada 1977 pihak kerajaan telah memberi perhatian serius di bawah Rancangan Malaysia ke-2. Kos pembinaan dianggarkan sebanyak RM3 juta.

Ia dinamakan Masjid al-Malik Khalid sebagai menghargai jasa baik pemerintah kerajaan Arab Saudi ketiga itu.

Kompleks Balai Islam dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Tuanku Ahmad Shah pada 2 September 1983 dan dinaikkan taraf dengan nama sekarang.